

15 AUG 2003

SYED MOKHTAR-PROFIL/I

TAIKUN PERNIAGAAN SYED MOKHTAR AKAN KEMBALI MENONJOLKAN DIRI

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Taikun perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, yang telah memencilkan diri dari sebarang publisiti sejak beberapa tahun lepas berkata mulai sekarang, beliau akan kembali menonjolkan diri.

Dalam temubual dalam majalah Malaysian Business terbitan 16 Ogos, beliau berkata walaupun dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an, kesemua perniagaannya adalah atas nama beliau, terlalu banyak perasaan cemburu, halangan dan rintangan yang muncul pada tahun-tahun kemudiannya.

"Saya perlu menukar cara saya dengan tidak menonjolkan diri dan membina semula perniagaan saya dengan cara yang berlainan. Tetapi, sekarang saya dipaksa mengukuh dan menonjol kembali bagi mencerminkan identiti saya. Dalam masa terdekat ini, saya perlu menonjolkan diri," kata Syed Mokhtar apabila diminta untuk mengulas mengenai tuduhan yang beliau terlalu berahsia dan menggunakan proksi yang bertentangan dengan peraturan ketelusan.

Mengimbas kembali bagaimana beliau mampu "meneruskan hidup" tatkala berlakunya krisis kewangan 1997, beliau berkata, "Semua yang mempunyai saham dan hutang merana. Sebelum kegawatan itu, saham dan aset saya bernilai sekitar RM3 bilion. Menjelang tahun 1998, saham dan aset saya telah berkurangan kepada sekitar RM600 juta. Keadaan saya begitu teruk sekali."

Di dalam artikel yang bertajuk, "Uncovering the Mystique", Syed Mokhtar berkata beliau tiada pilihan selain daripada menjual kebanyakan sahamnya untuk membayar para kreditor pada masa itu.

Malah, beliau perlu merayu untuk tidak dipaksa menjual sahamnya dalam projek-projek yang mempunyai kepentingan nasional dan strategik.

"Mereka (para kreditor) begitu banyak membantu dan saya berterima kasih kepada mereka," kata Syed Mokhtar.

Strategi beliau ialah mengeneppikan pelaburan yang bermasalah sementara meneruskan dengan pelaburan yang berpotensi.

"Selain daripada itu, saya bernasib baik walaupun dengan kegawatan ekonomi, kebanyakan perniagaan saya ialah dalam sektor swasta. Saya tidak bergantung sepenuhnya kepada projek-projek kerajaan."

Syed Mokhtar juga tanpa berselindung bercakap mengenai zaman kanak-kanaknya, perjalanan hidupnya dari kepapaan kepada kekayaan dan hubungannya dengan ahli-ahli politik, termasuklah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Taikun itu dipilih sebagai lelaki ketujuh terkaya di Malaysia (berdasarkan kepada senarai Malaysian Business untuk 40 terkaya di Malaysia dalam terbitan 16 Feb, 2003). Syarikat utamanya ialah Malaysia Mining Corporation Bhd (MMC), di mana pada masa ini ia menguasai kira-kira 40 peratus kepentingan.

Rangkaian syarikat-syarikatnya yang tersenarai terlibat di dalam pengeluaran kuasa, pengurusan pelaburan, logistik dan pengangkutan, perhotelan, penerbitan, perkilangan dan pakaian. Setakat tahun lepas, kumpulan syarikatnya yang mempunyai tidak kurang daripada lapan syarikat yang tersenarai mempunyai jumlah dagangan tergabung bernilai RM12 bilion dan hari ini secara kolektifnya mempunyai lebih daripada 32,000 pekerja. --

BERNAMA

SHY SHY AA

